

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(I)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

17. Pada tahun 2019, berapa operasi telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengenal pasti, mendenda restoran, tempat makanan kotor di seluruh Pulau Pinang? Sila perincikan mengikut daerah.
- (a) Sila perincikan butiran premis yang diperiksa, dengan jenis-jenis notis, kompaun, saman yang telah dikeluarkan dalam operasi-operasi tersebut.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menjalankan beberapa operasi penguatkuasaan ke atas restoran dan tempat makanan kotor di Pulau Pinang. Perincian operasi yang telah dijalankan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| DAERAH | JUMLAH OPERASI |
|---------------------------|-----------------------|
| Barat Daya | 41 |
| Timur Laut | 13 |
| Seberang Perai Utara | 4 |
| Seberang Perai Tengah | 5 |
| Seberang Perai Selatan | 8 |
| Jumlah Keseluruhan | 71 |

- (a) Perincian tindakan penguatkuasaan yang telah diambil dalam operasi-operasi tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**STATUS TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH MAJLIS
BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DAN MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI (MBSP) KE ATAS RESTORAN DAN KEDAI
MAKAN DI PULAU PINANG**

| Premis | Kompaun | | Notis | |
|---------------------------|-----------|------------|-----------|-----------|
| | MBPP | MBSP | MBPP | MBSP |
| Restoran | 15 | 82 | 11 | 70 |
| Kopitiam | 3 | 0 | 3 | 0 |
| Kafe | 4 | 0 | 2 | 0 |
| Kedai Runcit | 1 | 0 | 1 | 2 |
| Kilang Roti | 1 | 0 | 1 | 0 |
| Kedai Makan/Minuman | 2 | 13 | 0 | 4 |
| Gerai | 0 | 19 | 0 | 16 |
| Kedai Kek/Roti | 0 | 1 | 0 | 0 |
| Kilang | 0 | 4 | 0 | 6 |
| Pasaraya | 0 | 4 | 0 | 0 |
| Jumlah Keseluruhan | 26 | 123 | 18 | 98 |